



# AKADEMIA

## TERBIT BUKU DI PULAU NAMI

Mahasiswa UiTM mengglobalisasikan pengalaman pendidikan menerusi aktiviti kemasyarakatan di Korea

### FOKUS

Oleh Zaiha Ahmad  
rencana@hmetro.com.my

**Kelab** Penerbitan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor

buat julung kalinya mengadakan satu aktiviti kemasyarakatan di luar negara.

Aktif melaksanakan pelbagai program, kelab ini sering mengjururkan acara yang berkonsepkan buku.

Program yang diadakan baru-baru ini selama enam

hari tertumpu di dua lokasi utama di Korea Selatan iaitu di Pulau Nami dan Seoul.

Aktiviti berkaitan buku kanak-kanak ini diadakan hasil kerjasama dengan pihak Naminara Inc, Korea Selatan dan Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY).

Seramai 14 wakil yang terdiri daripada warga FKPM universiti itu dan wakil MBBY iaitu Alimah Salam bersama-sama menjayakan aktiviti ini.

Bertemakan PUB2Society: We Publish the Future, program ini bertujuan

mengglobalisasikan pengalaman pendidikan mahasiswa dari Program Penerbitan FKPM supaya hanya tidak tertumpu di dalam kelas semata-mata.

Selain dapat menambahkan dimensi antarabangsa dalam ijazah mereka.

> 30